

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 NOVEMBER 2016

Mahathir seperti kereta antik ke F1

Oleh FARHANA JONI
penarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 NOV.

KEHADIRAN bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ke bangunan Parlimen hari ini bagi mengadakan sidang akhbar bersama barisan pembangkang, ibarat membawa kereta antik ke perlumbaan Formula Satu (F1).

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, kehadiran Dr. Mahathir hanya untuk menarik perhatian umum, namun tidak lagi relevan dengan perkembangan semasa.

"Kehadiran Dr. Mahathir ke sini (Parlimen) hanya isu kecil dan tidak penting pun. Ibarat membawa kereta antik ke perlumbaan F1, memang seronok untuk dilihat tetapi tidak sesuai lagi untuk berlumba," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Ahli Parlimen Ketereh itu menngulas kehadiran Dr. Mahathir ke Parlimen hari ini selepas 13 tahun, namun untuk bersama pembangkang mengadakan sidang akhbar bagi mempertikaikan tindakan Yang Dipertua Dewan Rakyat,



ANNUAR MUSA



AZALINA

Tan Sri Pandikar Amin Mulia kononnya menyekat kebebasan bersuara ahli-ahli Parlimen.

Sidang akhbar itu turut melibatkan Ketua Pembangkang, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin; Presiden Parti Warisan Sabah (PWS), Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal serta Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatan, Lim Guan Eng.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said dalam satu kenyataan menyifatkan kehadiran Dr. Mahathir di bangunan Parlimen sebagai tidak memberi apa-apa makna kepada institusi itu, sebaliknya sekadar gimik politik semata-mata.

UM-9/11/2016
Menurutnya, tindakan ahli Parlimen pembangkang menjemput Dr. Mahathir ke sidang akhbar itu menunjukkan mereka begitu terdesak sehingga perlu mendapatkan sokongan luar.

"Saya hairan kenapa pembangkang tidak menggunakan Peraturan Mesyuarat sedia ada iaitu membawa usul bagi membincangkan sesuatu perkara yang tidak dipersejajui. Dewan Rakyat mempunyai mekanisme dan prosedur tersendiri untuk mengadili sesuatu perkara secara adil dan saksama," katanya.

Jelas Azalina, langkah yang diambil ahli Parlimen pembangkang itu berbeza dengan tindakan mendiang Karpal Singh ketika menjadi Ahli Parlimen Bukit Gelugor yang pernah membawa usul kepada Dewan Rakyat berhubung isu penahanan beliau di Parlimen pada 26 Februari 2009.

Katanya, berikutan usul tersebut, sebuah jawatankuasa dibentuk yang dianggotai Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang antaranya Lim Kit Siang yang ketika itu merupakan Ahli Parlimen Ipoh Timur.